

## PRO-NET Perkenal Hab Pengecasan DC Pertama di Tanjung Malim

*PRO-NET Merasmikan Hab Pengecasan DC Pertama di Tanjung Malim dengan Kemudahan Caj Pantas Tanpa Muat Turun Aplikasi pada Harga RM0.40/kWh Dengan Diskaun 50% Pada Bulan Pertama*

**Tanjung Malim, 30 September 2025** – Proton New Energy Technology Sdn Bhd (PRO-NET), anak syarikat PROTON, hari ini melancarkan Hab Pengecasan DC pertamanya di PROTON Tanjung Malim. Terletak di bangunan pentadbiran, hab ini dilengkapi dengan dua pengecas DC dan empat petak pengecasan, dengan jumlah kuasa output stesen sebanyak 120kW yang membolehkan empat EV dicas sekaligus. Berbeza dengan kemudahan terdahulu yang dikendalikan penyedia pihak ketiga, ini merupakan infrastruktur pengecasan pertama PROTON yang diuruskan sepenuhnya oleh PRO-NET. Langkah ini membuktikan keupayaan PROTON untuk mengendalikan rangkaian pengecasannya sendiri, tanpa bergantung kepada pengendali titik pengecasan (CPO) sedia ada, sekali gus memastikan kawalan lebih baik terhadap aspek kemampuan, kebolehcapaian dan pengalaman pengguna.

Hab pengecasan ini dibuka kepada semua pemilik EV tanpa mengira jenama, selepas mendapat kelulusan Lesen ST EVCS. Dengan langkah inklusif ini, PRO-NET menggalakkan lebih ramai rakyat beralih kepada kenderaan elektrik sambil memperkuuh pembangunan rangkaian pengecasan di seluruh Malaysia.

“Hab pengecasan ini merupakan satu langkah yang amat bermakna bagi kami, bukan hanya sebagai sebuah kemudahan, tetapi juga sebagai sebahagian daripada usaha kami membangunkan ekosistem EV yang lebih kukuh di Malaysia. Dengan menawarkan perkhidmatan pada kadar yang berpatutan serta mudah digunakan, kami berharap dapat menjadikan pemilikan EV lebih menarik dan mudah diakses oleh semua. Tanjung Malim ialah tempat bermulanya perjalanan PRO-NET, maka amatlah sesuai untuk kami memulakan bab baharu ini di sini,” ujar Zhang Qiang, Ketua Pegawai Eksekutif PRO-NET.

### Pengecasan Mudah, Mampu Milik dan Tanpa Perlu Muat Turun Aplikasi

Pelancaran ini juga menandakan infrastruktur pengecasan kendiri pertama PRO-NET. Ia memperkenalkan konsep pengecasan tanpa aplikasi, di mana pengguna hanya perlu mengimbas kod QR dan terus menggunakan paparan web untuk memulakan pengecasan serta membuat bayaran dengan mudah. Dalam masa yang sama, pemilik Proton e.MAS dan smart masih boleh memilih untuk menggunakan aplikasi e.MAS dan Hello smart yang telah diintegrasikan sepenuhnya dengan sistem ini.

Selaras dengan misi PRO-NET untuk menjadikan pemilikan EV lebih praktikal dan mampu milik, PROTON menetapkan kadar pengecasan pada RM0.80 setiap kWh, antara yang terendah di negara ini. Sempena pelancaran ini, semua pengguna akan menikmati diskaun 50% sepanjang bulan pertama operasi, menjadikan caj hanya RM0.40 setiap kWh bermula 1 hingga 31 Oktober 2025.

### Tanjung Malim sebagai Hab EV Malaysia

Pelancaran hab pengecasan ini mengukuhkan lagi peranan Tanjung Malim sebagai nadi perjalanan mobiliti lestari PRO-NET. Dengan kilang pengeluaran EV baharu yang bakal memulakan operasi tidak lama lagi, fasiliti ini bukan sahaja akan memasang EV pertama keluaran tempatan di Malaysia, malah turut mewujudkan peluang pekerjaan baharu, melahirkan bakat tempatan, dan menyokong pembangunan ekosistem EV yang kukuh sekali gus menjadikan Tanjung Malim sebagai hab EV negara.

Layari laman web Proton e.MAS dan ikuti saluran media sosial rasmi kami untuk maklumat lanjut: Facebook (Proton e.MAS Cars), Xiaohongshu (Proton e.MAS Cars), TikTok (@protonemasofficial), dan Instagram (@protonemasofficial).

#### Mengenai Proton e.MAS

Proton e.MAS ialah jenama kenderaan elektrik dan tenaga baharu kebangsaan pertama Malaysia, sebagai sub-jenama PROTON yang dierarkan oleh PRO-NET. Berperanan penting dalam memacu penerimaan EV dan membangunkan ekosistem jenama ini, Proton e.MAS komited untuk menerajui usaha ke arah mobiliti mampan dengan tumpuan terhadap inovasi dan kecemerlangan. Rangkaian pengedarnya yang semakin berkembang, bersama perkhidmatan selepas jualan yang menyeluruh serta ekosistem yang lengkap, memastikan setiap pelanggan menikmati pengalaman yang lancar dan memuaskan. Misi kami, selaras dengan syarikat induk PROTON, adalah untuk INSPIRE CONNECTIONS dengan sentiasa menawarkan Teknologi Inovatif, Kebolehpercayaan, dan piawaian antarabangsa. Proton e.MAS telah diperkenalkan pada 12 Jun 2024.

#### Proton e.MAS

Facebook: <https://www.facebook.com/ProtonEMASOfficial/>  
Instagram: <https://www.instagram.com/protonemasofficial/>  
TikTok: <https://www.tiktok.com/@proton.e.mas/>

Issued by:

PRO-NET  
Salawati Mohd Yusoff  
Chief Branding Officer  
Telephone: +6012-219 4581  
Email: [salawati@proton.com](mailto:salawati@proton.com)

Christopher Ng  
Manager, PR & Communications  
Telephone: +6012-818 7597  
Email: [christopher@proton.com](mailto:christopher@proton.com)

Agus Mohd Nawiah  
Senior Executive, Public Relations  
Telephone: +6017-232 6225  
Email: [agusmn@proton.com](mailto:agusmn@proton.com)

For media enquiries, please contact H/Advisors Klareco on behalf of PRO-NET:

Menuka Vejasegaran  
H/Advisors Klareco  
Telephone: +6014 345 2006  
Email: [menuka.vejasegaran@h-advisors.global](mailto:menuka.vejasegaran@h-advisors.global)

Joshua Fredrick  
H/Advisors Klareco  
M: +6012 392 8943  
Email: [joshua.fredrick@h-advisors.global](mailto:joshua.fredrick@h-advisors.global)